



TEKS UCAPAN OLEH

YB TUAN BARU BIAN
MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA

BERSEMPENA
MAJLIS SAMBUTAN HARI INTEGRITI 2019

PADA 13 NOVEMBER 2019
(RABU)

BERTEMPAT DI
BILIK TANJUNG,
TINGKAT 6, BLOK A,
KOMPLEKS KERJA RAYA

SALUTASI (SETELAH MENDAPAT MAKLUM BALAS KEHADIRAN)

PENDAHULUAN

Salam sejahtera dan selamat pagi.

1. Syukur kepada Tuhan kerana dengan kurniaNya maka kita dapat bersama-sama hadir untuk meraikan Majlis Sambutan Hari Integriti 2019 di peringkat Kementerian Kerja Raya pada tahun ini.
2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Unit Integriti Kementerian Kerja Raya selaku penganjur kepada Majlis Sambutan Hari Integriti Tahun 2019 dan semua yang terlibat serta bekerjasama untuk menjayakan majlis pada hari ini.

“INTEGRITI UTUH, KKR TEGUH”

Hadirin yang saya hormati sekalian,

3. Untuk makluman anda, sambutan Hari Integriti Kebangsaan diraikan pada setiap 5 November sejak mula diperkenalkan pada tahun 2005.
4. Kementerian Kerja Raya tidak ketinggalan untuk meraikan Majlis Sambutan Hari Integriti pada setiap tahun. “*Integriti Utuh, KKR Teguh*” telah dipilih menjadi tema bagi sambutan Hari Integriti pada tahun ini. Tema ini bermaksud, nilai-nilai Integriti yang utuh perlu ada dan tersemat dalam diri setiap warga KKR.
5. Walaupun dengan ilmu yang tinggi, penugasan dijalankan dengan sempurna, namun seandainya masih dicemari dengan unsur rasuah, salahguna kuasa serta terhakisnya nilai integriti dalam diri warga

KKR, maka tidak akan tercapai hasrat keteguhan dalam konteks mempertahankan imej kementerian ini.

6. Sejak akhir-akhir ini, kita dapat menyaksikan di media massa komitmen dan kesungguhan Kerajaan dalam mengambil langkah dan tindakan tegas untuk mencegah dan memerangi perlakuan rasuah, penyelewengan serta penyalahgunaan kuasa.
7. Kes-kes berprofil tinggi telah dibuka, disiasat dan ada diantaranya yang telah pun dihadapkan ke mahkamah. Keputusan siapa yang bersalah atau tidak, akan ditentukan oleh mahkamah. Namun yang pasti, '*damage is done*'. Kerosakan telah berlaku sehingga menjejaskan nama baik dan mengugat keyakinan orang ramai terhadap institusi-institusi utama Kerajaan.
8. Pepatah ada mengatakan sekiranya kita tidak belajar dari kesilapan lalu, pastinya kita akan mengulanginya semula. Justeru itu, hadirin sekalian;
 - (i) *siapakah yang akan menanggung kerosakan-kerosakan yang telah dilakukan? dan*
 - (ii) *bilakah kerosakan-kerosakan tersebut dapat dipulihkan sepenuhnya?*
9. Jawapannya ada pada diri kita sendiri. Semuanya atas komitmen kita sendiri. Kita sendiri wajib menolak unsur-unsur yang boleh merosakkan dan menjejaskan imej kementerian ini.

PROGRAM-PROGRAM INTEGRITI

Yang Berbahagia Datuk, Tuan-tuan dan puan-puan,

10. Saya selaku Menteri Kerja Raya sentiasa menyokong penuh usaha Kerajaan Persekutuan yang telah menubuhkan Pusat Governans, Integriti dan Anti Rasuah (GIACC) dan pengenalan Pelan AntiRasuah Nasional (NACP: 2019-2023) untuk mencapai aspirasi supaya *'Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah'*.
11. Saya juga menyambut baik penubuhan Unit Integriti di peringkat Kementerian yang diketuai oleh Pegawai Kanan SPRM sebagai mekanisme kawalan dalaman untuk memastikan pengurusan pentadbiran Kementerian bebas daripada perlakuan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan dan memperkukuhkan integriti.
12. Pegawai SPRM bukan hanya ditempatkan di Unit Integriti Kementerian malah juga ditempatkan di Pejabat Anggota Pentadbiran. Langkah ini mencerminkan inisiatif pengukuhan governans yang menggunakan pendekatan *'top to bottom approach'*, di mana pelaksanaan nilai integriti bermula dari pejabat saya sendiri;
13. Saya turut berharap agar Kementerian Kerja Raya serta Agensi-Agensi di bawah selian Kementerian ini meneruskan program-program Integriti berbentuk pendidikan, advokasi dan pencegahan dengan lebih kerap dan dapat melaksanakannya bukan sahaja di peringkat Ibu Pejabat, malah meliputi agensi dan jabatan di peringkat negeri dan daerah.
14. Program-program sedemikian adalah penting agar setiap warga Kementerian serta agensi turut sama menghayati dan menyokong Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB 2030) serta visi negara

bebas rasuah menjelang tahun 2023. Marilah kita bersama-sama berazam untuk tidak berkompromi dengan perasuah sama ada dengan kontraktor yang sering kita berurusan mahupun di kalangan warga KKR sendiri.

PELANCARAN POLISI TIADA HADIAH (*NO GIFT POLICY*)

Hadirin yang saya hormati sekalian,

15. Bagi memastikan kesinambungan bersempena sambutan Hari Integriti dapat terus dihayati seluruh warga Kementerian, pada hari ini saya ingin melancarkan Polisi Tiada Hadiah (*No Gift Policy*) di peringkat Kementerian ini.
16. Menerusi polisi ini, warga Kementerian adalah tidak dibenarkan menerima sebarang bentuk hadiah atau sumbangan daripada pihak pelanggan dan mana-mana pihak yang mempunyai urusan rasmi dengan Kementerian ini.
17. Pengenalan polisi ini bukanlah bermaksud bahawa Kementerian ingin mengekang atau membendung sifat hormat dan pemurah atau dalam erti kata lain, '*to kill the spirit of kindness*', tetapi ini adalah sebagai langkah pencegahan untuk mengukuhkan integriti serta profesionalisme warga Kementerian daripada terjebak dengan perlakuan rasuah, penyelewengan serta penyalahgunaan kuasa.
18. Seperti yang kita sedia maklum, penugasan warga KKR tidak dapat lari daripada berinteraksi dengan kontraktor dan pembekal. Kita terdedah kepada ruang dan peluang untuk melakukan rasuah dengan mengikut telunjuk segelintir pihak yang rakus dan tamak.

19. Sudah tiba masanya untuk semua warga KKR untuk menghentikan budaya memberi dan menerima hadiah ini. Seandainya budaya ini masih diteruskan dan menjadi amalan warga KKR, tidak mustahil kita akan diperkotak-katikkan oleh segelintir pihak yang berkepentingan dan tamak untuk mendapatkan projek-projek kerajaan.
20. Pengarah Kanan KKR termasuk semua SUB/Pengarah-Pengarah Negeri/Pengarah-Pengarah Cawangan JKR/Pengurusan Tertinggi KKR/CIDB/LLM harus menunjukkan contoh teladan yang baik dalam konteks amalan "*No Gift Policy*" ini.
21. Slogan "Kepimpinan melalui teladan" harus ditanamkan dalam perlakuan dan tindak-tanduk Dato-Dato/Tuan Puan semua, agar hasrat kerajaan untuk menjadikan negara kita Malaysia terkenal dengan integritinya menjadi realiti.
22. Pada masa yang sama, Kementerian juga merasakan adalah perlu bagi kita sebagai sebuah masyarakat yang prihatin dan penyayang untuk terus menggalakkan sebarang bentuk bantuan dan sumbangan disalurkan kepada golongan sasaran yang memerlukan seperti pusat kebajikan, rumah anak yatim, orang tua, orang kelainan upaya (OKU), gelandangan, mangsa bencana termasuk mereka yang kurang bernasib baik.

PENUTUP

Tuan – tuan dan puan – puan sekalian,

23. Sebelum saya akhiri ucapan saya pada hari ini, ingin saya menzahirkan setinggi – tinggi ucapan tahniah dan syabas kepada

pihak penganjur majlis serta semua pihak yang turut terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan program pada hari ini.

24. Majlis sambutan Hari Integriti 2019 ini, diharap dapat menerapkan lagi nilai integriti, etika kerja yang unggul serta mewujudkan kesejahteraan emosi dalam kalangan warga kementerian dan sekaligus meningkatkan imej Kerajaan dan Negara.
25. Akhir kata, dengan ini, sukacita saya merasmikan sambutan Hari Integriti Peringkat Kementerian Kerja Raya Tahun 2019;

Sekian, terima kasih.

God Bless.